

# Pengumuman mengejut PM letak jawatan tak jejak ekonomi negara

JM 25 JUN 2002

KUALA LUMPUR 24 Jun — Pengumuman mengejut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk meletakkan jawatan kelmarin tidak akan menjejaskan ekonomi negara.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, keadaan ekonomi negara masih kukuh kerana pengumuman itu tidak menimbulkan suasana panik di kalangan pelabur dan peniaga.

Ini kerana, kata beliau, golongan berkenaan mungkin telah bersedia menghadapi sebarang kemungkinan jika berlaku perubahan pimpinan negara.

“Seluruh rakyat Malaysia malahan satu dunia sudah bersedia. Lagi pun, Dr. Mahathir telah berulang kali me-

nyatakan beliau akan berundur satu hari nanti,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Laporan Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia 2001 di pejabatnya di sini, hari ini.

Sabtu lalu, Dr. Mahathir mencemaskan negara apabila membuat pengumuman mengejut semasa menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Daegneq Dunia Putra dengan meletakkan jawatan Presiden parti, Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan semua jawatan dalam parti.

Bagaimanapun, keputusan itu ditarik balik dalam tempoh satu jam yang penuh mendebarkan setelah dipujuk oleh seluruh anggota Majlis Tertinggi (MT).

Rafidah seterusnya meminta semua pihak terutama dalam sektor industri tidak membuat sebarang spekulasi berhubung pengumuman y&g dibuat oleh Perdana Menteri itu.

Katanya, tidak ada sebab untuk para pelabur dan golongan usahawan untuk mempercayai sebarang spekulasi yang boleh merosakkan ekonomi negara.

“Golongan peniaga harus meneruskan kegiatan harian seperti biasa,” katanya.

Dalam pada itu, pada ucapannya, Rafidah memberitahu, sektor perkilangan terus menarik sebilangan besar projek pelaburan iaitu bernilai RM24.7 bilion.

Petanda itu, kata beliau, mencerminkan keyakinan pelabur asing membuat pelabur-

an baru dan pelaburan semua dalam negara.

Jumlah keseluruhan dagangan, jelas beliau, ialah sebanyak RM615.1 bilion dengan jumlah eksport dan import masing-masing mencatatkan RM334.4 bilion dan RM280.7 bilion.

“Lebihan dagangan berjumlah RM53.7 bilion dan menunjukkan Malaysia berjaya mengekalkan imbalan perdagangan yang positif walaupun menghadapi kemelesetan dalam aktiviti perniagaan dan perdagangan,” katanya.

Beliau menambah, Amerika Syarikat kekal sebagai pelabur utama diikuti Jepun, Singapura, China, Belanda, Korea dan Taiwan.